

21 FEB 2004

MUSA ENGGAN MENGULAS KEMUNGKINAN BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM

BALIK PULAU, 21 Feb (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed enggan mengulas desas-desus kononnya beliau akan turut bertanding pada pilihan raya umum akan datang ini.

Katanya, beliau enggan mengulas kerana tidak mahu digembur-gemburkan lagi desas-desus itu.

"Tidak ada komen...saya tidak mahu buat sebarang komen", katanya ketika diajukan soalan oleh wartawan mengenai adakah beliau berminat untuk menjadi ahli politik dan bertanding pada pilihan raya ini.

Musa adalah seorang senator bagi penggal kedua dan beliau menganggotai Umno Bahagian Balik Pulau di sini setelah dilantik sebagai Menteri Pendidikan sejak empat tahun lepas.

Dalam rombakan kabinet empat tahun lepas, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melantik Musa memegang jawatan itu bagi mendapatkan suntikan baru dalam sistem pendidikan dan mengelakkan portfolio itu dipegang orang politik.

Musa bekas Naib Cancellor Universiti Sains Malaysia (USM) dilantik menganggotai Majlis Tertinggi UMNO atas kapasitinya sebagai Menteri Pendidikan.

--BERNAMA

AZE BK